

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HTV 201 – Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

Kertas ini dibahagikan kepada **DUA [2]** bahagian: **A** dan **B**.

Jawab **SATU [1]** soalan dari setiap bahagian.

Setiap jawapan tidak boleh melebihi **TIGA [3]** halaman.

Sila catatkan dengan jelas nama tutor yang mengendalikan tutorial anda dan pusat pengajian anda di sudut kiri skrip.

Nyatakan dengan jelas teknik-teknik berfikir yang anda gunakan dalam jawapan anda.

Bahagian A: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

1. Penggunaan virus “anthrax” sebagai senjata biologi di dalam peperangan alaf baru merupakan suatu ancaman di peringkat antarabangsa.

[i] Dengan bantuan peta minda, huraikan langkah-langkah penyelesaian ke atas ancaman ini.

[ii] Dengan menggunakan gaya-gaya berfikir yang sesuai, buat penilaian terhadap idea-idea yang dijana.

2. Kehidupan moden dan tekanan sosial telah menyebabkan kanak-kanak dan remaja yang tinggal di kawasan bandar mengalami masalah tekanan emosi.
 - [i] Dengan menggunakan konsep segitiga, janakan idea-idea kreatif bagi mengatasi masalah tersebut.
 - [ii] Bincangkan keberkesanan dua daripada cadangan yang telah diberi dengan menggunakan dua alat berfikir yang sesuai.

Bahagian B: Jawab **SATU [1]** soalan sahaja.

3. Dengan menggunakan pemikiran logikal dan kreatif, bincangkan bagaimana satu anjakan paradigma boleh dilakukan dalam masyarakat yang “sentiasa tidak mengaku kelemahan dan sering mempersalahkan orang lain”, seperti yang terdapat dalam lagu rakyat *Bangau oh Bangau*.
4. Lemak adalah sumber tenaga kalori yang padat. Pengambilan lemak yang berlebihan dikaitkan dengan peningkatan risiko penyakit jantung dan juga menyebabkan kegemukan.

Dengan menggunakan kaedah penyelesaian masalah **secara kreatif melalui desain**, rancangkan satu program pemakanan sihat untuk mencegah pelbagai penyakit.
5. Isu kedai tuak kerajaan hangat diperkatakan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Ia dikatakan sebagai sesuatu yang tidak perlu diwujudkan lagi memandangkan negara semakin maju dan pembiayaannya hanya satu pembaziran. Dengan menggunakan alat-alat berfikir PMI, OPV dan C&S, bincangkan perkara ini.
6. Sejak peristiwa 11 September 2001, kebanyakan syarikat penerbangan telah mengalami kerugian kerana kos keselamatan meningkat dan bilangan penumpang semakin merosot. Dengan menggunakan 4 gaya berfikir (positif, kreatif, hipotetikal dan logikal) hasilkan jalan penyelesaian bagi mengurangkan kos dan meningkatkan keyakinan penumpang terhadap keselamatan penerbangan.

7. Sifat kanser yang tidak dapat dikesan pada peringkat awal selalunya membimbangkan orang ramai. Seringkali penyakit didiagnosis di peringkat serius dan kejayaan rawatan menjadi sukar dan kemungkinan untuk sembuh sangat tipis.

Dengan menggunakan pemikiran saintifik, bincangkan satu kaedah untuk mengesan kanser secepat mungkin.

8. Masalah kekurangan tanah di bandar-bandar besar semakin menimbulkan masalah perumahan yang serius bagi setiap golongan masyarakat. Dengan menggunakan kaedah *Enam Topi Berfikir*, bincangkan cara-cara untuk menangani masalah ini.

-- oo000oo --